

2025 'pembayang' keutuhan Malaysia menjelang PRU16

• Berbaki dua atau tiga tahun lagi, Kerajaan Perpaduan memikul tanggungjawab dan obligasi penting memeta hala tuju Malaysia lebih cemerlang serta menjamin kestabilan politik lebih kukuh

• Pengalaman enam tahun ke belakang ini belum begitu menunjukkan kepemimpinan politik negara betul-betul aman dan stabil, orang politik masih tidak biasa berkongsi kuasa dan mencari kesepakatan

Oleh Datuk Dr Jayum Jawan
bhrencana@bh.com.my



Felo, Akademi Sains Malaysia merangkap Ahli Majlis Penasihat Perpaduan Negara

Penulis melalui perjalanan hidup yang pelbagai sebagai warganegara dan tidak menafikan merindui zaman kestabilan politik dialami Malaysia sejak penubuhannya pada 1963 sehingga 2018.

Banyak pencapaian dikecapi negara dan semua warga turut merasai hasilnya dalam pelbagai bentuk dan bahagian. Ini berlaku dalam keadaan negara mengalami banyak kelompangan, tetapi mampan menghadapi cabaran.

Umumnya, kehidupan era 1970-an dan awal 1980-an boleh disifatkan sebagai tempoh aman damai bagi Malaysia, rakyat hidup dalam suasana bersama, bekerjasama dan sama-sama menikmati pelbagai kemakmuran serta pemodenan.

Secara ringkas, 2018 adalah detik penting dalam proses dan sejarah politik Malaysia. Pertama, pada tahun itu berlaku Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14) menamatkan pemerintahan stabil kerajaan selama enam dekad dipimpin Barisan Nasional (BN) diterajui UMNO.

Kedua, ia mewujudkan suasana baharu dalam politik negara. Muafakat politik sebenar buat kali pertama diperlukan untuk membentuk kerajaan. Tiada lagi kuasa atau parti dominan boleh menentukan arus kerjasama politik negara seperti sebelum 2018.

Ketiga, kestabilan atau ketidakstabilan politik masih berpusat kepada pengaruh Melayu di Semenanjung. Hanya Melayu dan parti Melayu dari Semenanjung mampu mengetuai pembentukan kerajaan campuran.

Ini hakikat dan tidak berubah sejak 1955. Perbezaan sebelum dan selepas 2018 ialah sebelum itu, Melayu dan UMNO menentukan bentuk kerjasama dan parti mana akan berada dalam perikatan. Selepas 2018, Melayu dan parti Melayu perlu mencari pasangan membolehkannya tampil dan dipanggil Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Utama Negara untuk menubuhkan kerajaan.

Perkembangan paling penting dalam politik negara pada 2018 ialah buat kali pertama Yang di-Pertuan Agong selaku Ketua Utama Negara memainkan peranan *de facto* menentukan siapa layak membentuk kerajaan. Sebelum itu, proses pembentukan kerajaan tergantung kepada parti politik. Ini barangkali duluan yang bahaya dalam sistem demokrasi berparlimen kerana penentuan parti membentuk kerajaan adalah berdasarkan suara rakyat semata-mata.

Dalam sistem Raja Berperlembagaan, kuasa menentukan kerajaan terletak pada tangan rakyat

diterjemahkan kepada majoriti diraih parti bertanding pada PRU dalam Dewan Rakyat.

Keempat, perbezaan pembentukan kerajaan selepas 2018 ialah kumpulan layak diberi hak membentuk kerajaan sudah mula kabur. Hal ini kerana tiada parti Melayu atau parti diketuai Melayu mendapat majoriti mutlak sendiri.

Justeru, siapa berhak membentuk dan memimpin kerajaan bergantung kepada banyak faktor baharu. Ia bergantung kepada siapa Ketua Utama Negara mahu berikan peluang untuk menubuhkan kerajaan. Persoalan parti mana mendapat kerusi terbanyak di Dewan Rakyat boleh membentuk kerajaan boleh dijadikan panduan kepada Yang di-Pertuan Agong, tetapi ia tidak semestinya menjadi syarat muktamad.

“2025 tahun berharga bagi kerajaan tentukan masa depan Malaysia lebih makmur dan gemilang sebelum serta selepas PRU16 atau terjebak dengan perebutan kuasa tidak berkesudahan”

Umum mengetahui episod Parlimen tergantung selepas PRU15 sudah berlalu dan ia berjaya diselesaikan Yang di-Pertuan Agong dengan cermat dan berhikmah sehingga berdirinya Kerajaan Perpaduan dipimpin Pengerusi Pakatan Harapan (PH), Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Rakyat mahu kerajaan terus kuat, stabil

Kini, usia Kerajaan Perpaduan melepasi tempoh dua tahun. Berbaki sekurang-kurangnya dua atau tiga tahun lagi, Kerajaan Perpaduan memikul tanggungjawab dan obligasi penting memeta hala tuju Malaysia lebih cemerlang serta menjamin kestabilan politik lebih kukuh.

Justeru, melangkah tahun baharu 2025, sudah semestinya rakyat berkeinginan melihat keupayaan Kerajaan Perpaduan untuk terus kuat dan stabil demi kemajuan serta pembangunan negara.

Keadaan ini seperti pernah disuarakan bekas Perdana Menteri, Tun Abdul Razak Hussein - 'bila sebuah kerajaan kuat, maka proses berpolitik akan kurang dan masa boleh ditumpukan sepenuhnya

untuk membangunkan negara'.

Namun, suasana stabil ini mungkin perlu menunggu detik 2027 apabila PRU16 tiba. Keadaan sekarang sudah ditentukan menerusi PRU15 pada 2022 yang mana parti mengetuai kerajaan tidak mendapat mandat padu sendiri. Ia ibarat perahu goyang dan sedikit perubahan tempat duduk penumpang maka perahu berisiko terbalik dan tenggelam.

Pengalaman enam tahun ke belakang ini belum begitu menunjukkan kepemimpinan politik negara betul-betul aman dan stabil. Orang politik negara masih tidak biasa dengan keperluan sebenar berkongsi kuasa dan mencari kesepakatan.

BN berkongsi kuasa sebelum ini dengan keadaan UMNO menjadi parti dominan. Pada era BN menjadi kerajaan, UMNO bersama-sama parti komponen, termasuk dari Sarawak dan Sabah memimpin serta menentukan hala tuju negara. Akan tetapi jika ada parti komponen menarik sokongan, ia tetap tidak menjejaskan kerajaan ketika itu kerana UMNO adalah parti dominan.

Ini berbeza dengan zaman pemerintahan PH yang bergantung kepada sokongan parti bersekutu dalam perikatan berkenaan. PH kini berkongsi kuasa dengan BN dan Gabungan Parti Sarawak (GPS) serta Gabungan Rakyat Sabah (GRS), tetapi dalam keadaan tiada parti dominan.

PKR perlu tunduk kepada tuntutan parti komponen dan perlu sentiasa melayan kerenah rakan dalam kerajaan. PKR tidak dapat menentukan hala tuju kerajaan kerana tidak memiliki majoriti. Tambahan pula, kekuatan parti pembangkang menjadi bayangan kepada PH dan PKR.

Maka, PRU16 pada atau sebelum 2027 adalah amat penting. Ia juga akan menjawab persoalan adakah ketika itu Melayu Semenanjung akan bersatu semula, tetapi memihak kepada parti mana. Ada UMNO, BERSATU yang dilihat dominan berbanding PAS dan Parti Amanah Negara (AMANAH).

Setakat ini, tiga parti besar Melayu bakal bersaing merebut sokongan Melayu Semenanjung, iaitu PKR, UMNO dan BERSATU. PAS adalah pelengkap kepada satu daripada tiga parti ini dan pada masa ini kecenderungannya ialah kepada BERSATU.

Namun, dalam politik apa sahaja boleh berlaku kerana PRU masih berbaki dua atau tiga tahun lagi. Justeru, bagi memastikan politik negara kembali stabil, kuat dan efektif, penyatuan orang Melayu Semenanjung adalah penting. Penyatuan akan mengurangkan persaingan yang mana tenaga dan sumber dapat ditumpukan memajukan negara.

Maka, 2025 tahun berharga bagi kerajaan menentukan masa depan Malaysia lebih makmur dan gemilang sebelum serta selepas PRU16 atau terjebak dengan perebutan kuasa tidak berkesudahan.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH